

立德



金殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Tahun

6

Bahasa Melayu

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UASA
yang boleh dileiraikan

*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Masa: 1 Jam 15 Minit

Bahagian A

/ 10 Markah

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Seorang pengawas sekolah perlulah menanamkan sifat _____ dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pembantu guru.
- A integriti 诚实 培养 性格
B berintegriti 助手
C mengintegriti
D berintegritikan
2. Naim memetik _____ buah anggur hijau yang segar di kebun anggur datuknya.
- A sebiji
B seikat
C sesisir
D segugus

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Fatin sangat disayangi oleh ibunya kerana sikapnya yang (berat tangan) 原因
B Pak Andak berbesar hati apabila melihat reban ayamnya yang roboh akibat ribut semalam. 暴风雨 昨天 毁掉 庆祝
C Cikgu Maria ditugaskan untuk menyediakan atur cara bagi program sambutan hari guru peringkat sekolah.
D Encik Tan membentangkan kertas pasir projek pembinaan gelanggang sepak takraw dalam mesyuarat itu. 禁止

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ramli merupakan salah seorang pengawas yang mempunyai integriti yang tinggi. Terdapat pelbagai peranan yang perlu ada sebagai seorang pengawas sekolah serta pemimpin kepada murid-murid lain.

Ramli dan rakan pengawasnya yang lain sering membantu guru bagi mengawal disiplin murid-murid. Mereka turut cakna dengan tanggungjawab mereka dalam menguatkuasakan peraturan sekolah. Contohnya, Ramli akan hadir ke sekolah lebih awal pada setiap hari. Dia turut menasihati rakan-rakannya yang lain untuk menepati masa masuk ke sekolah.

Walaupun Ramli sibuk menjalankan tugasnya sebagai pengawas, dia tidak mengabaikan pembelajarannya kerana dia bijak menguruskan masa. Dia juga merupakan salah seorang murid yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum di sekolahnya.

4. Siapakah yang berintegriti tinggi dalam petikan?
- A Ramli
 - B murid-murid
 - C Guru disiplin
 - D Rakan pengawas
5. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Ramli turut aktif dalam bidang sukan.
 - B Ramli sering menasihati rakan-rakannya untuk tidak ponteng sekolah.
 - C Ramli akan datang awal ke sekolah untuk membersihkan bilik darjahnya.
 - D Ramli tidak mengabaikan pelajarannya kerana dia bijak menguruskan masa.
6. Berikut merupakan peranan Ramli sebagai seorang murid berintegriti *kecuali* _____.
- A bijak menguruskan masa
 - B menasihati rakan-rakannya yang lain
 - C membantu guru mengawal disiplin murid-murid
 - D membantu guru menggubal undang-undang di sekolah

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Nian Zhi dan rakan-rakannya telah menghadiri sebuah ceramah yang diadakan di Dewan SJKC Taman Bukit Mewah. Semua murid tahun enam diwajibkan untuk menghadiri ceramah tersebut.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sentul iaitu Supt Heisham Harun merupakan penceramah jemputan. Supt Heisham Harun telah memberikan penerangan mengenai langkah-langkah mencegah rasuah.

Dalam pada itu juga, beliau turut berharap agar semua murid memahami betapa pentingnya mencegah *amalan* rasuah ini. Selain itu, beliau menasihati agar murid-murid dapat memupuk nilai murni yang tinggi supaya tidak melakukan perkara yang salah seperti rasuah.

BAHAN 2

Mengetatkan undang-undang sekolah yang sedia ada dengan mengenakan hukuman yang berat.

Memupuk nilai-nilai murni di sekolah dengan memperkasakan lagi subjek Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral dengan teliti.

LANGKAH-LANGKAH MENEGAH RASUAH

Didikan agama oleh ibu bapa sejak usia kecil dengan mengajar anak-anak tentang mendekati amalan yang baik dan menjauhi amalan yang terkutuk.

Memperluaskan kempen kesedaran mengenai keburukan *amalan* rasuah agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keburukan amalan rasuah.

7. Di manakah ceramah itu diadakan?
- A Kantin SJKC Taman Bukit Mewah.
 - B Dewan SJKC Taman Bukit Mewah.
 - C Pejabat SJKCTaman Bukit Mewah.
 - D Padang SJKC Taman Bukit Mewah.

8. Beliau menasihati agar murid-murid dapat memupuk nilai murni yang tinggi supaya tidak melakukan perkara yang salah seperti rasuah.

Jenis imbuhan apitan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris ialah _____.

- A apitan
 - B sisipan
 - C awalan
 - D akhiran
- em - gementar = gentar
er = seruling = suling
el = telunjuk = tunjuk
in - sinambung = sambung

9. Perkataan *amalan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan _____.

- A derma 捐.
- B ibadah 崇拜
- C kegiatan 活动
- D kebajikan 福利

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Melantik pengawal penguatkuasa yang lebih berwibawa. 有权发命令的
- B Mengeratkan undang-undang sekolah yang sedia ada. 规章
- C SJKC Taman Bukit Mewah telah mengadakan ceramah itu untuk semua warga sekolah.
- D Didikan agama perlu diterapkan daripada usia remaja bagi mengajar anak-anak tentang amalan yang baik. 被吸取 年龄

mengajar 教
pengajar 教师
belajar 学习

pembelajaran 学习过程
pelajaran 学业
pengajaran 教学

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Seorang Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) haruslah mempunyai sahsiah yang baik dan bertanggungjawab. Sebagai seorang PRS yang bertanggungjawab, Denish sentiasa menjadi pendengar yang memahami masalah rakan-rakannya.

Selain itu, dia sentiasa membantu guru kaunseling dalam aktiviti bimbingan dan kaunseling. Di samping itu juga, Denish sering membantu rakan-rakannya yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan pembelajaran berkumpulan. Dia juga akan merancang program atau kempen yang mempunyai faedah kepada murid-murid. Secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pembelajaran murid-murid.

- (a) Perkara yang perlu ada pada seorang Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ialah

[1 markah]

- (b) Apakah tugas yang Denish lakukan sebagai pengawas PRS?

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata ganda penuh yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dia juga akan merancang program atau kempen yang mempunyai faedah kepada murid-murid.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) pada ayat yang sama maksud dengan ayat diberikan.

Denish sering membantu rakan-rakannya yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan pembelajaran berkumpulan.

Dengan mengadakan pembelajaran berkumpulan, rakan-rakannya membantu Denish yang lemah dalam pelajaran.

Rakan-rakan Denish yang lemah dalam pelajaran dibantu olehnya dengan mengadakan pembelajaran berkumpulan.

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kejohanan sukan tahunan sekolah akan diadakan tidak lama lagi. Kamu yang merupakan ketua pasukan rumah sukan menjadi tonggak utama untuk memenangkan pasukan rumah sukan kamu. Pelbagai acara menarik akan diadakan seperti perbarisan rumah sukan dan olahraga. Kamu perlulah melakukan persediaan yang rapi menghadapi hari tersebut.

Apakah tindakan kamu sebagai ketua pasukan rumah sukan?

[5 markah]

Grafik di bawah menunjukkan ciri-ciri murid berintegriti.

Tuliskan pendapat kamu tentang ciri-ciri tersebut.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.


Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



[20 markah]